

# Turun harga kereta jejas ekonomi

Suar 27/7/12 MS 14.

**TASEK GELUGOR** - Negara akan mengalami keadaan ekonomi yang tidak stabil dan ramai yang menjadi muflis jika harga kereta serta duti eksais kenderaan diturunkan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yaccop.

Beliau berkata penghapusan cukai bagi kereta akan mengurangkan cukai negara sebanyak RM7 bilion yang boleh menjejaskan pembangunan infrastruktur negara terutamanya di Sabah dan Sarawak serta pedalaman Semenanjung.

Katanya, jika pembangkang membuat keputusan untuk menghapuskan cukai eksais, rakyat yang hidup dalam keadaan daif tak dapat meningkatkan kehidupan sebab duit tidak ada.

"Bila mereka hapuskan duti eksais harga kereta akan turun, itu betul, tapi kalau tiba-tiba turun (duti eksais) kedai-kedai *second hand* (kenderaan terpakai) yang ada banyak kereta akan muflis dan orang yang kerja di situ macam mana?"

"Itu akan beri kesan sampingan kepada ekonomi. Nak kurangkan eksais itu boleh tapi kena fikir banyak aspek,"



**NOR MOHAMED**

katanya kepada media selepas melawat rumah Leha Nayan sempena Program Tenaga Nasional Berhad (TNB) Prihatin di sini, semalam.

Nor Mohamed berkata, janji yang dibuat pakatan pembangkang jelas menunjukkan mereka kecetekkan pemikiran kerana buat kenyataan tanpa kaji dan fikirkan kesan yang akan diterima negara apabila semua janji itu dilaksanakan.

Katanya, sikap pembangkang itu sangat berlawanan dengan kerajaan Barisan Nasional yang mementingkan kebajikan rakyat dengan buat keputusan mengikut kebijaksanaan agar ekonomi dapat dijana dan rakyat mendapat manfaat. - Bernama